



**KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR)**

**UCAPAN UTAMA  
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**

---

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN  
(MOU) ANTARA CIDB HOLDINGS SDN BHD (CIDBH), SMART  
PAINTS (M) SDN BHD DAN PERSATUAN KONTRAKTOR  
BUMIPUTRA MALAYSIA (PKBM)  
DAN  
PELANCARAN KEMPEN SMART PAINTS MALAYSIA**

**PUSAT DAGANGAN DUNIA KUALA LUMPUR (WTCKL)  
*30hb April 2024 – Selasa***

**Yang Berbahagia Dato' Sr Mohd Zaid Zakaria (Ketua Eksekutif CIDB Malaysia),**

**Yang Berbahagia Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam Bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya,**

**Yang Berbahagia Datuk Dr. Azman Bin Yusoff, Presiden Persatuan Kontraktor Bumiputra Malaysia (PKBM),**

**Yang Berusaha En Goh Chye Hin, Pengarah Smart Paints (M) Sdn Bhd**

**Yang Dikasihi Tuan Hj Supian Bin Musa, Ketua Pegawai Eksekutif CIDB Holdings Sdn Bhd**

**Ahli-ahli Yang Berhormat, wakil-wakil kementerian, agensi-agensi kerajaan dan swasta, rakan-rakan media, tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin yang dihormati sekalian.**

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani,

Syukur saya ucapkan pada pagi yang mulia ini, dapat kita bersama-sama dengan hadirin sekalian di Majlis Pelancaran Kempen Smart Malaysia dan Menandatangan Memorandum Persefahaman (MoU) antara **CIDB Holdings Sdn Bhd** atau **CIDBH, Smart Paints (M) Sdn Bhd** dan **Persatuan Kontraktor Bumiputra Malaysia** atau **PKBM**.

1. Setinggi-tinggi TAHNIAH diucapkan kepada **Smart Paints (M) Sdn Bhd, CIDB Malaysia, CIDB Holdings, Persatuan Kontraktor Bumitputera Malaysia (PKBM)** diatas persetujuan bekerjasama didalam pembangunan program Latihan TVET dan pembangunan kontraktor. Besar harapan saya supaya kerjasama yang bakal dimeterai pada hari ini akan memberi hasil yang terbaik bagi dalam pembangunan industri pembinaan menerusi penglibatan terus pemain industri dan sokongan persatuan.

### **HALA TUJU MoU**

2. Sukacita dimaklumkan bahawa majlis menandatangani MoU pada pagi ini membawa kepada pemandangan peningkatan landskap tadbir urus untuk industri sejagat di mana kerajaan tidak lagi dilihat sebagai hanya pengawal selia dasar atau sektor swasta sebagai penerima manfaat semata-mata, tetapi apabila ketiga-tiga pihak bekerjasama sebagai rakan kongsi, ia mampu untuk memberi impak yang lebih positif dan memenuhi keperluan industri dan negara selaras dengan prinsip-prinsip **Alam Sekitar, Kestabilan, dan Tadbir Urus (ESG - Environmental, Social and Governance)**.
3. Saya amat berbesar hati kerana dapat menyaksikan sesi menandatangani MoU yang cukup bermakna iaitu
  - (i) **Kerjasama di antara Smart Paints dan CIDBH** memperlihatkan komitmen kerjasama untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti dalam latihan kemahiran, terutamanya dalam teknologi dan pengecatan. Dalam kerjasama ini, Smart Paints akan menyediakan mesin cat dan produk mereka ke ABM, bagi melatih pelatih ABM dalam teknik pengecatan dan pengendalian mesin, serta

membimbing mereka menjadi usahawan dan panel pengecat Smart Paints.

- (ii) **Kerjasama di antara Smart Paints dan PKBM** bakal menyediakan latihan dan taklimat yang terstruktur kepada kontraktor dan pekerja binaan guna meningkatkan mutu serta kualiti kerja mengikut standard industri, dan menyediakan nasihat teknikal yang berkaitan dengan penyediaan dan aplikasi yang efektif.
- (iii) Manakala, **kerjasama di antara CIDBH dan PKBM** pula dilihat sebagai kerjasama dalam mengenalpasti dan melaksanakan inisiatif yang berkaitan serta berkongsi kepakaran dan teknologi untuk meningkatkan kualiti latihan kemahiran. Selain itu, mereka juga akan memberi khidmat nasihat teknikal dan pendedahan industri dalam bidang yang relevan untuk memajukan industri pembinaan secara keseluruhan.

## **MEMPERKASAKAN TVET**

4. Kerjasama sebegini iaitu usaha–usaha agensi bawah kementerian dan juga badan–badan swasta atau NGO berpotensi tinggi dan mendorong untuk merealisasikan pelan–pelan kerajaan untuk pembangunan industri.
5. Rancangan Malaysia ke 12 (2021-2025) menekankan bahawa pembangunkan bakat masa hadapan merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara yang memerlukan pembangunan bakat berkemahiran tinggi. Justeru, Ekosistem TVET perlu diperkujuh supaya negara dapat menangani beberapa isu sosio ekonomi penting termasuk:
  - a. Kebergantungan kepada pekerja asing,

- b. Pampasan Pekerja yang rendah; serta
  - c. Pengangguran yang tinggi dalam kalangan belia.
- 6. Kementerian Kerja Raya (KKR) komited dalam pelan ini dengan memperkasakan TVET Pembinaan. KKR menerusi CIDB Malaysia melahirkan tenaga-tenaga mahir yang kompeten di **Pusat Latihan CIDB** iaitu **Akademi Binaan Malaysia (ABM)** dan **CIDB Technologies**. **Sehingga kini lebih dari 420,000 berjaya dilatih dan diiktiraf sebagai pekerja mahir.**
- 7. Terdapat lebih dari **100 tred bidang latihan kemahiran pembinaan** ditawarkan di pusat latihan CIDB yang berimpak tinggi seperti *Gas Pipe Fitter, Wireman Single Phase, Air-Conditioning & Mechanical Ventilation, Scaffold Erection dan Plant Operation*.

#### **PELANCARAN KEMPEN “SMART PAINTS MALAYSIA”**

- 8. Saya difahamkan juga bersempena pagi yang mulia ini, pihak **Smart Paints** telah mengambil inisiatif untuk melancarkan kempen **“Smart Paints Malaysia – NegaraKu, JenamaKu”** ini dengan tujuan untuk mempromosikan produk mesra alam, sejajar dengan kempen ESG serta menggalakkan penggunaan produk tempatan (Guna Lokal) dengan kerjasama pihak **CIDB Malaysia, CIDB Holdings** dan **Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia**.
- 9. Kerajaan sentiasa menyokong penggunaan produk mesra alam (*eco-friendly*) sebagai langkah untuk mengurangkan pencemaran, mengurangkan penggunaan sumber semula jadi yang tidak dapat diperbaharui, dan memastikan kelestarian ekosistem jangka panjang.

10. Malah, kerajaan juga memberi sokongan kepada penggunaan jenama tempatan yang dapat bersaing dengan produk luar negara sebagai usaha untuk meningkatkan keberlanjutan dan kesedaran terhadap produk buatan Malaysia. Tahniah saya ucapkan kepada **Smart Paints** atas kejayaan dan usaha murni anda.

### **SOKONGAN DAN HARAPAN KERAJAAN**

11. Mengambil martabat dari majlis pada pagi ini, saya harap semua agensi, swasta dan NGO akan teruskan usaha berkolaborasi dan sentiasa bekerjasama demi keuntungan dan kemajuan bersama. Sinergi dalam industri amatlah penting untuk kita menghadapi cabaran dan memanfaatkan peluang yang ada dalam sektor pembinaan dan mendorong kepada kemajuan ekonomi negara.
12. Perlu disebutkan bahawa Kementerian amat menghargai inisiatif dan usaha daripada pemain-pemain industri dalam menyokong dan menjayakan visi Kementerian dalam pembangunan serta kelestarian industri.
13. Malah usaha ini diharap lebih ramai organisasi dan agensi di luar sana akan tampil ke hadapan serta memainkan peranan bagi membangunkan industri pembinaan negara

Sekali lagi saya mengucapkan tahniah pada semua yang terlibat dalam menjayakan acara ini dan saya akhiri ucapan saya di sini dengan harapan kerjasama seperti ini diteruskan dan terus dikekalkan demi kesejahteraan dan kemakmuran ekonomi negara.

